

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Khamis, 8 Februari 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA**  
**SUKU TAHUN KEEMPAT 2023**

---

**Indeks volum Perkhidmatan tumbuh 4.1 peratus pada suku tahun keempat 2023**

**PUTRAJAYA, 8 FEBRUARI 2024** – Indeks volum Perkhidmatan tumbuh 4.1 peratus tahun ke tahun dengan mencatatkan 148.5 mata pada suku tahun keempat 2023, menjadikan prestasi tahunan bagi 2023 meningkat 5.6 peratus berbanding tahun 2022 (Carta 1). Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun pula, indeks ini naik 0.6 peratus. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Keempat 2023**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Prestasi indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun ini dipacu oleh kenaikan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang tumbuh 4.2 peratus berbanding tahun lepas, diikuti oleh segmen Maklumat &

Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (6.6%), segmen Perkhidmatan Lain (7.0%) dan segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (1.0%).”

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia menerangkan, “Indeks volum bagi segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan meningkat 4.2 peratus untuk merekodkan 150.2 mata. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan Perdagangan Borong & Runcit (4.2%), Makanan & Minuman (2.4%) dan Penginapan (10.1%). Pada masa yang sama, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan meningkat 6.6 peratus dengan mencatatkan 162.9 mata, disumbangkan oleh pertumbuhan Pengangkutan & Penyimpanan (12.2%) dan Maklumat & Komunikasi (3.2%). Segmen Perkhidmatan Lain mencatatkan indeks volum 122.4 mata dengan pertumbuhan 7.0 peratus hasil peningkatan dalam Kesihatan Swasta (11.3%), Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (4.2%) dan Pendidikan Swasta (5.6%). Sementara itu, segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan merekodkan pertumbuhan positif 1.0 peratus berikutan peningkatan dalam Profesional, Saintifik & Teknikal dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (8.7%) dan Hartanah (6.8%). Walau bagaimanapun, Kewangan & Insurans jatuh -3.9 peratus.”

Bagi perbandingan suku tahunan pula, indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun keempat 2023 naik 0.6 peratus (Carta 2). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah bahawa prestasi ini disumbangkan oleh kenaikan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (1.0%), diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (1.6%) dan segmen Perkhidmatan Lain (2.5%). Sebaliknya, segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan turun -1.5 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks volum pelarasan musim turun -1.1 peratus berbanding suku tahun ketiga 2023. Prestasi ini disebabkan oleh kejatuhan dalam segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (-2.6%) dan segmen Perkhidmatan Lain (-5.9%). Walau

bagaimanapun, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dan segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan masing-masing meningkat 1.2 peratus dan 0.6 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian *hotline* berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720 / 1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

**Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun**



**Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Suku Tahun ke Suku Tahun**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
8 FEBRUARI 2024**

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 8 February 2024



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA**  
**FOURTH QUARTER 2023**

---

***Volume index of Services grew 4.1 per cent in fourth quarter 2023***

**PUTRAJAYA, FEBRUARY 8, 2024** – Volume index of Services grew 4.1 per cent year-on-year to record 148.5 points in fourth quarter 2023, bringing the annual performance for 2023 to an increase of 5.6 per cent compared to the year 2022 (Chart 1). Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, this index went up 0.6 per cent. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **Volume Index of Services (2015=100), Fourth Quarter 2023**. This publication consists of four segments namely Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment; Business Services and Finance segment; Information & Communication and Transportation & Storage segment; and Other Services segment.

*Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The performance of volume index of Services for this quarter was driven by the increase in Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment which grew 4.2 per cent*

*compared to last year. This was followed by Information & Communication and Transportation & Storage segment (6.6%), Other Services segment (7.0%), and Business Services and Finance segment (1.0%).*

*In a statement today, the Chief Statistician Malaysia explained that, “The volume index for Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment rose 4.2 per cent to stand at 150.2 points. This was contributed by the growth of Wholesale & Retail Trade (4.2%), Food & Beverages (2.4%) and Accommodation (10.1%). Concurrently, Information & Communication and Transportation & Storage segment increased 6.6 per cent to record 162.9 points, contributed by the growth of Transportation & Storage (12.2%) and Information & Communication (3.2%). Other Services segment recorded a volume index of 122.4 points with a growth of 7.0 per cent, attributed to the increase in Private Health (11.3%), Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services & Other Activities (4.2%), and Private Education (5.6%). Meanwhile, Business Services and Finance segment recorded a positive growth of 1.0 per cent resulted by the increase in Professional, Scientific & Technical and Administrative & Support Services (8.7%) and Real Estate (6.8%). However, Finance & Insurance fell -3.9 per cent.”*

*For quarterly comparison, volume index of Services for the fourth quarter 2023 grew 0.6 per cent (Chart 2). Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that this performance was contributed by the increase in Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment (1.0%), followed by Information & Communication and Transportation & Storage segment (1.6%) and Other Services segment (2.5%). On the other hand, Business Services and Finance segment decreased by -1.5 per cent.*

*The Chief Statistician Malaysia also informed that the seasonally adjusted volume index declined -1.1 per cent compared to the third quarter 2023. This was resulted by the decrease in Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment (-2.6%) and Other Services segment (-5.9%). Conversely, Information &*

*Communication and Transportation & Storage segment and Business Services and Finance segment inched up 1.2 per cent and 0.6 per cent, respectively.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*


*The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:*

- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720 / 1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

**Chart 1: Volume Index of Services and Year-on-Year Percentage Change**



**Chart 2: Volume Index of Services and Quarter-on-Quarter Percentage Change**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**8 FEBRUARY 2024**